

## TEKUN Nasional sedia RM500j bantu usahawan

Oleh AKMYR SYAHAR AZWAR

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 26 Feb.** - Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional menasarkankan penyaluran pembiayaan berjumlah RM500 juta yang dijangka memberi manfaat kepada 35,000 usahawan Malaysia tahun ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional, Datuk Baharom Embi berkata, sehingga kini agensi itu telah menyalurkan pembiayaan bernilai RM5 bilion kepada 402,842 usahawan melibatkan sebanyak 527,080 pinjaman.

"Sepanjang 20 tahun beroperasi, TEKUN Nasional telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif seiring dengan perubahan dan kehendak semasa seperti mempelbagaikan produk pembiayaan bagi memberi lebih pilihan kepada usahawan.

"Secara keseluruhannya, kita menasarkankan 50 peratus usahawan yang menerima pembiayaan akan berjaya, namun sebenarnya 25 peratus sudah cukup baik kerana mereka ini adalah golongan yang kurang mendapat bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di majlis pelancaran buku oleh Pengerusi TEKUN Nasional, Datuk Nor Azita Abd. Rahman yang memuatkan kisah kejayaan seramai 500 usahawan TEKUN dalam pelbagai sektor perniagaan seluruh Malaysia.

Menurut Baharom, buku edisi



**NOR AZITA ABDUL RAHMAN (dua kiri) melancarkan buku 500 Usahawan Berjaya TEKUN Nasional sambil disaksikan Baharom Embi (kanan) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN**

kedua itu akan bertindak sebagai medium perkongsian dan motivasi kepada orang ramai tentang pengalaman serta kejayaan usahawan TEKUN sepanjang beroperasi membantu perniagaan usahawan.

"Selain itu, TEKUN Nasional juga sedang dalam usaha untuk mengumpul lebih banyak maklumat dengan sasaran seramai 100,000 usahawan yang berjaya di dalam pangkalan data yang dipanggil, TITAN sebagai sumber rujukan dan maklumat.

"Adalah penting bagi kita untuk menceritakan kepada orang ramai khususnya golongan usahawan tentang kisah kejayaan

kerana bila kita buat, baru orang akan nampak pelbagai kelebihan menerusi bantuan daripada TEKUN Nasional," katanya.

Mengulas mengenai peminjam yang enggan membayar pinjaman bulanan mereka, beliau berkata, golongan itu dinasihatkan untuk pergi ke cawangan TEKUN Nasional bagi berbincang menyelesaikannya, kerana jika tidak tindakan terpaksa dilakukan.

"Kita mahu bantu usahawan, malah kita telah berubah hampir dalam semua aspek seperti cara, saluran serta aplikasi untuk pembayaran semula. Ini telah mempermudah urusan usahawan," jelasnya.